AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

PKPD di Kemta, Taiping

Termasuk kuarters kakitangan mulai hari ini bagi menghalang penularan Covid-19

KUALA LUMPUR

PKPD dilaksanakan di Kemta, Taiping, Perak dan kuarters kakitangannya mulai hari ini sehingga 12 Januari bagi mengekang penularan Covid-19. Gambar kecil: Ismail Sabri

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan di Pusat Koreksional Kamunting (Kemta), Taiping, Perak dan kuarters kakitangannya mulai hari ini sehingga 12 Januari.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan PKPD itu bertujuan mengawal kluster sedia ada dan menghalang penularan Covid-19 kepada banduan lain, kakitangan, ahli keluarga serta komuniti di luar Kemta.

"Sehingga 24 Disember lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan sebanyak 1,490 saringan terhadap tahanan dan daripada jumlah itu, seramai 50 orang didapati positif Covid-19," katanya dalam kenyataan di sini pada Selasa.

Sementara itu, memperincikan mengenai hasil operasi *task force* pematuhan pada Isnin, Ismail Sabri berkata, seramai 142 individu ditahan dan kesemuanya dikenakan kompaun kerana ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Menurutnya, menerusi Op Benteng pula, seramai 16 orang lagi imigran berjaya ditahan dan tiga buah kenderaan darat dirampas.

"Sejak 24 Julai sehingga 28 Disember, seramai 93,728 individu telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan kesemuanya telah ditempatkan di 75 hotel dan 17 Institut Latihan Awam (ILA) serta institut pengajian swasta di seluruh Malaysia untuk kuarantin wajib," katanya.

Ismail Sabri berkata, daripada jumlah tersebut, seramai 540 individu dihantar ke hospital untuk rawatan. - *Bernama*

TRIVIA COVID-19 DI MALAYSIA

- Kes harian tertinggi dicatat pada 26 Disember dengan 2,335 kes
- Kes pertama pada 25 Januari 2020 membabitkan tiga warga China yang masuk ke Malaysia dari Singapura
- Dua kematian pertama dicatat pada 17 Mac melibatkan kes ke-178 dan ke-358, seorang lelaki warga Malaysia yang menghadiri satu perhimpunan tabligh di Seri Petaling dan lelaki berumur 60 tahun di Kuching, Sarawak
- Jangkitan tempatan pertama dikesan adalah pada 6 Februari melibatkan seorang wanita tempatan berusia 40-an
- Kes kematian paling muda dicatat melibatkan seorang bayi perempuan tempatan berusia setahun pada 6 Oktober
- Kes kematian paling tua melibatkan lelaki bukan warganegara berusia 130 tahun pada 2 November
- Kes kematian harian tertinggi dicatat pada 3 November iaitu sebanyak 12 kes
- Bayi berusia 12 hari adalah antara pesakit termuda yang dijangkiti di Malaysia, kes pada 26 Mac
- Setakat ini kluster terbesar ialah Kluster Seri Petaling melibatkan sebanyak 3,375 kes positif, kes pertama dikesan dalam kluster itu pada 11 Mac
- Jumlah kluster setakat 28 Disember adalah sebanyak 489 kluster
- Kes sembuh harian paling tinggi pernah dicatatkan pada 26 November 2020 iaitu 2,555 kes
- Setakat 28 Disember, Sabah mencatat kes positif kumulatif tertinggi iaitu sebanyak 36,231 kes, diikuti Selangor (29,969) dan Kuala Lumpur (12,6900)

Sarawak rekod 1,114 kes Covid-19

KUCHING - Tiga daripada empat kes baharu positif Covid-19 yang dilaporkan di Sarawak pada Selasa melibatkan individu yang tiba dari Johor, menjadikan jumlah keseluruhan kes di Sarawak kini 1,114 kes.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dalam satu kenyataan berkata, ketiga-tiga kes itu dikategorikan sebagai kes import B (kes dari luar Sarawak dan dalam Malaysia) yang kembali ke negeri itu dan dua daripada individu terlibat masuk melalui Lapangan Terbang Sibu, sementara seorang lagi melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching antara 26 dan 27 Disember.

Menurut kenyataan itu, salah satu daripada kes import B terbaharu itu melibatkan seorang wanita warga Sarawak yang tiba dari Lapangan Terbang Senai, Johor pada 26 Disember dan disahkan positif Covid-19 pada Isnin, manakala satu lagi kes melibatkan seorang lelaki warga Sarawak yang tiba dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 27 Disember dan didapati positif pada Selasa.

"Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B yang telah mendapat jangkitan semasa berada di Johor," menurut kenyataan itu.

Kes import B ketiga merupakan seorang lelaki warga Sarawak yang kembali dari Johor melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 27 Disember dan didapati positif pada Isnin dan satu kes import A luar negara melibatkan seorang lelaki warga Sarawak yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 26 Disember. - *Bernama*

21 individu dari zon merah ke Terengganu positif Covid-19

KUALA TERENGGANU - Seramai 21 individu didapati positif Covid-19 hasil ujian penilaian risiko yang dijalankan ke atas seramai 4,308 individu dari zon merah yang memasuki Terengganu sejak 7 Disember lalu.

NOR AZIMI

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Nor Azimi Yunus berkata, sejak kebenaran rentas negeri dilonggarkan, kesemua mereka datang ke klinik dan hospital secara sukarela untuk membuat penilaian risiko selepas pengumuman untuk melakukan ujian saringan itu dibuat.

Menurutnya, enam daripada 433 kontak rapat kes juga didapati positif Covid-19 yang menjadikan jumlah kes positif seramai 27 orang.

"Semua individu terbabit telah dimasukkan ke hospital untuk mendapatkan rawatan, manakala semua kontak rapat dikuarantin di rumah dan di pusat kuarantin yang disediakan," katanya menerusi satu kenyataan di sini pada Isnin.

Dalam pada itu, Nor Azimi turut menggalakkan lebih ramai individu dari zon merah tampil melakukan ujian saringan bagi membolehkan virus berkenaan dikesan lebih awal.

"Bayangkan jika 27 kes positif itu tidak dikesan awal, sudah pasti mereka akan menjangkiti keluarga atau rakan sekerja, sekali gus melibatkan penularan yang lebih besar," katanya.

Beliau berkata, pengesanan awal membolehkan usaha menjejak kontak rapat, ujian saringan, rawatan dan isolasi dilakukan dengan pantas.

"Tindakan pantas sangat perlu bagi mengelak penularan yang lebih besar. Kita sedia maklum ia akan memberikan beban tambahan kepada petugas kesihatan, namun langkah ini bagi mengelak kluster besar dan situasi Covid-19 di Terengganu kekal terkawal.

"Jadi, kita ingatkan kepada semua pengembara untuk berfikir sebelum rentas negeri. Jika boleh tangguh, tangguhlah dahulu demi kebaikan bersama," kata beliau.

MPS hilang hasil RM1.07 juta

SELAYANG - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kehilangan hasil sebanyak RM1.07 juta selepas pelaksanaan pengecualian bayaran sewaan gerai kepada seramai 1,800 penyewa pada April dan Mei lalu ekoran pandemik Covid-19.

Yang Dipertua MPS, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata, MPS juga kehilangan hasil caj lewat sebanyak RM957,564 berikutan arahan pengecualian yang diberikan oleh kerajaan negeri.

Menurutnya, MPS turut menawarkan pengurangan waran tahan sebanyak RM2.7 juta dan caj lewat sebanyak RM300 bagi kempen bayar tunggakan cukai taksiran kawasan kampung serta kos rendah bagi membolehkan pemilik membuat bayaran tertunggak.

"Covid-19 juga menjejaskan sektor pelancongan di kawasan pentadbiran MPS apabila 80 peratus pengunjung berkurang semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Setelah PKP dilonggarkan, MPS membenarkan beberapa kawasan dibuka seperti di Taman Ekstrem Gua Damai bagi aktiviti *rock climbing* tetapi perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya dalam Mesyuarat Penuh Bulanan MPS di sini pada Selasa.